

BAHASA MELAYU

-----*-----*-----

(oleh Musyfa')

Sekalian tuan-tuan pembaca yang dihormati! Berkata benarlah saya dengan sebenar-benarnya bahawa tidak sekali-kali saya menunjukkan kepandaian atau sengahaja suka hendak menjatuhkan atau merendahkan mutu pengetahuan dan kebajikan tok-tok guru dan alim ulama bangsa kita Melayu di Semenanjung ini khasnya dan mereka yang di mana-mana pun serata alam yang luas ini amnya tentang bahasa Arab mereka itu bahkan saya junjung tinggi dengan setinggi-tinggi pujian ilmu pelajaran tiap-tiap seorang daripada mereka itu.

Pendeta-pendeta bahasa di benua Eropah seperti yang Inggeris, yang Perancis, yang Jerman dan yang lain-lainnya lagi, mengaku bahawa bahasa Arab itu ialah semolek-molek dan sesempurna bahasa di dalam dunia kerana adalah ia terlebih dalam, terlebih tinggi, terlebih kukuh dan terlebih tetap dan tepat daripada bahasa-bahasa Latin dan Greek tua, kerana nahu dan saraf bahasa Arab itu cukup melengkap dengan dhamir-dhamir yang tertentu bagi tiap-tiap seorang lelaki dan bagi tiap-tiap seorang perempuan – bagi tiap-tiap dua lelaki dan bagi dua orang perempuan – bagi lebih daripada dua lelaki dan bagi lebih daripada dua perempuan, dan lagi tiap-tiap sepele perkataan fiil (perbuatan) itu bersusun tanpa bagi tiap-tiap dhamir yang dikehendaki dan ditentukan itu, selain daripada beberapa banyak lagi aturan-aturan ikatan nahu dan saraf dan lain-lain dan yang dikecualikan yakni yang tiada tempat baginya di dalam i'rab. Maka sesungguhnya keelokkan

dan ketetapan yang demikian tidak ada di sisi bahasa Latin dan Greek tua itu dan oleh yang demikian bertambah-tambah lagilah jauhnya keelokkan bahasa Arab itu daripada bahasa-bahasa yang lain.

Saya nampak mengikut pengetahuan saya yang tohor sahaja bahawa setengah daripada tok guru dan alim ulama kita yang pandai di dalam bahasa Arab itu lemah atau kurang pengetahuan bahasa Melayu mereka itu. Kelemahan atau kekurangan molek bahasa Melayu mereka itu ada sebab yang amat nyata, kerana sememanglah tiap-tiap suatu itu biasanya menurut sebab.

Kebanyakan daripada orang-orang alim Melayu kita itu dari kecilnya atau dari mudanya, sebelum pandai dalam bahasa bangsanya sendiri lagi, sudah pergi menuntut ilmu agama dan bahasa Arab di pondok-pondok atau di surau-surau atau di masjid-masjid (di sini tidak pula saya salahkan orang-orang belajar bahasa Arab yang terkandung di dalam Quran dan kitab-kitab besar berkenaan dengan agama Islam, kerana yang demikian itu wajib dituntut supaya meninggikan lagi pengetahuan) dan kemudian daripada itu setengah daripada penuntut-penuntut itu pergi menambah ilmunya di Mekah atau di Mesir pula maka kedua-dua buah negeri itulah lebih banyak kitab-kitab yang dipelajari itu di dalam bahasa Arab dan tuturan kata di sana setiap hari lebih banyak di dalam bahasa Arab daripada bahasa Melayu dan jikalau adapun banyak rakan-rakan sepenuntut mereka itu orang-orang Melayu tetapi rakan-rakan sepenuntut atau pun setengah orang-orang Melayu yang menjadi guru di sana kebanyakannya sama tidak dalam bahasa Melayunya. Oleh sebab itu setengah daripada kitab-kitab agama yang dikarang di dalam bahasa Melayu sebagaimana kita sekalian bertemu itu mengikut nahu atau gaya bahasa Arab yang tidak betul bahasa Melayunya dan jikalau tidak ada guru mengajar atau memimpin kita tidaklah kita cukup faham sendiri. Maka di bawah ini adalah saya beri sedikit misalnya sahaja iaitu :-

Yang pertama – jika seorang alim Melayu pengarang sebuah kitab namanya, katakanlah “Taj al-Ghulam” maka pengarangnya menulis pada pendahuluan atau pengenalan kitabnya itu:-
“bahawa adalah ini kitab hamba namakan dia Taj al-Ghulam”.

Maka di sini sahaja ada dua ketiadaan sepertinya bahasa Melayunya. Ada pun yang betulnya atau yang sepatutnya “bahawa adalah kitab ini hamba namakan Taj al-Ghulam” (1) bukan ini kitab. (2) Jangan ditambah lagi dhamir “dia” itu, kerana jika ditanya kitab mana yang tuan namakan Taj al-Ghulam? Tentulah jawabnya kitab ini!

Jika kita berkata misalnya :- “Anak saya ini saya namakan Awang” - tidak kita tambah “dia” kemudian daripada perkataan “namakan” itu.

Yang kedua – ada juga yang menulis atau berkata :-
“Qalaa Rasulullah (SAW)” yang dipermelayukannya:- Telah berkata ia Rasullulah (SAW),” ini tidak betul kerana memadailah dengan “telah berkata Rasullulah (SAW)” tidak mesti ditambah “ia” dahulu daripada sebutan Rasullulah (SAW) kerana sudah tentu mengikut nahu dan saraf bahasa Arab bahawa perkataan “qalaa” itu sememang-memang ditakdirkan terkandung di dalamnya dhamir “ia” atau “dia” (bagi seorang lelaki) dan demikian jugalah “qalaa” yang ditentukan bagi perempuan dan begitu jugalah tentang fiil-fiil (perbuatan) yang lain-lain lagi sebagaimana tersebut di atas tadi, terkecualilah di dalam tafsir Quran misalnya tentang firman Allah *Qul ya ayuhal kafirun....*” yang sememang dipanjangkan Melayunya :-
Allah telah berfirman “Katakanlah ia wahai Muhammad, hai kamu sekalian kafir.... maka ada pun sebab dipanjangkan pengertian itu ialah supaya jangan terkeliru – siapa yang menyuruh berkata, siapa yang disuruh berkata, dan apa yang disuruh kata itu.

Baharu-baharu ini telah disiarkan suatu makalah oleh seorang wartawan di dalam sebuah akhbar harian Melayu “Pejabat Perhubungan Raya mesti ia berulang-alik ke Hulu Kelantan iaitu ke Gua Musang, Bertam, Manik Urai dan... dan” Mengapakah penulis itu telah tambah dhamir atau ganti nama “ia” kemudian daripada perkataan Pejabat Perhubungan Raya itu pada hal Pejabat Perhubungan Raya itu sememang-memang sudah cukup menjadi isim qail, maka tidak patut ditambah perkataan “ia” lagi yang menjadikan dua qail berturut-turut bersatu fiil (perbuatan) “mesti berulang alik” itu?

Di bawah ini saya suka menambah suatu misal lagi yang boleh menjadi suatu keterangan berkenaan dengan dhamir “dia” iaitu seperti –“si Awang dia tidak suka bercakap banyak” maka ini berertilah “dia” (iaitu seorang lain yang termaklum dengan tidak disebutkan namanya) tidak suka akan si Awang itu bercakap banyak yakni bukanlah si Awang itu yang sememang tidak suka bercakap banyak. Di sini agaknya bolehlah tuan-tuan pembaca nampak bahawa sepatah perkataan “ia” yang diletakkan pada bukan-bukan tempatnya boleh mendatangkan salah faham atau perselisihan pengertian.

Jika sekiranya kita anak-anak Melayu Semenanjung ini sebenar-benarnya berkehendakkan bahasa Melayu kita sempurna molek kukuh dan tepat supaya naik mutunya dan bersih daripada kesamaran, maka wajiblah kita fikirkan betul-betul sebelum kita bercakap dan lebih-lebih lagilah sebelum kita menulis apa-apa kerana bahawasanya apa yang ditulis atau tertulis itu akan kekal dan dibaca oleh orang dan kekhilafan kita itu kelak menyebabkan perselisihan pengertian.

Insyaa-Allah Taala saya akan mencuba lagi berkhidmat kepada bahasa saya Melayu dan saudara-saudara saya umat Melayu yang dikasihi, wasalam.